

24/12/1998

Saranan Soros satu penghinaan

Shaharuddin Dahalan

PERBUATAN George Soros yang mendesak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disingkirkan dan Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan, adalah penghinaan kepada rakyat Malaysia yang memberi mandat kepada beliau melalui proses pilihan raya.

Walaupun Soros menyatakan rasa kesalnya atas kenyataannya kemudian, desakan beliau supaya Anwar dibebaskan mencabar Badan Kehakiman Malaysia yang sedang membicarakan bekas Timbalan Perdana Menteri itu. Desakan beliau supaya Malaysia menyingkirkan Dr Mahathir yang dipilih oleh rakyat tentulah menggesa kejatuhannya melalui cara tidak berperlembagaan.

Soros membuat desakan selepas Naib Presiden Amerika, Al-Gore gagal dalam usahanya untuk merangsang rakyat supaya menyingkirkan Dr Mahathir dari pucuk kepimpinan.

Pada saya jika Gore adalah orang kedua berkuasa dalam tampuk pemerintahan Amerika, Soros dan konconya adalah badan yang berkuasa di Amerika. Inilah negara kuasa besar yang menggunakan pelbagai cara untuk menjatuhkan sesebuah negara dan pemimpin dan kemudian meletakkan pemimpin bonekanya.

Banyak lagi perlakuan oleh Amerika termasuk di Vietnam, Laos, Kemboja, Iran, Palestin dan di negara Afrika, Eropah dan Amerika Latin. Inilah dasar luar Amerika yang mahu menyusun masyarakat dunia supaya mengabdikan kepadanya.

Amerika menjaja dan mempromosikan reformasi ke Soviet dengan janji yang belum ditunaikan. Di China reformasi meragut puluhan ribu nyawa tetapi gagal.

Reformasi tanpa takrif tepat Amerika ini dicanangkan supaya seluruh dunia disusun semula selepas tamat Perang Dingin yang mengimbangi kuasa perang untuk mengabdikan kepada nafsu Soros dan kelompoknya dengan kuasa tadbir Amerika sebagai juaranya.

Rakyat Malaysia punya wadah perjuangan sendiri. Kita kenal masalah kita dan kita hadapinya dengan cara keperibadian kita sendiri yang berlandaskan latarbelakang politik Malaysia. Ucapan rangsangan yang berbentuk ke anak-anakan seperti (The brave people of Malaysia) tidak diterima di Malaysia. Sebaliknya akan memberi kesan sebaliknya, jikalau juaranya datang dari Amerika.

Perpaduan rakyat akan bertambah padu dan ketokohan Dr Mahathir akan bertambah kukuh.

Amerika sepatutnya sudah belajar dengan sejarah yang menelan perbelanjaan yang mampu membasmi jumlah peminta sedekah di negara itu dan membaiki social injustice di Amerika Syarikat.

Malaysia hari ini adalah Malaysia yang diperjuangkan oleh setiap rakyat dan inilah pilihan mereka. Bangsa lain tidak perlu memaksakan sesuatu yang di luar pilihan dan kehendak kita.